

## ARTIKEL SURATKHABAR

**Nama Suratkhobar :** Mingguan Malaysia (Segmen Dalam Negeri)

**Tarikh :** Ahad, 2 November 2014

**Mukasurat :** 18

mhk 2/11/14 :ms lf  
- dim apri

### 60 penerbit meriahkan ekspo buku

**PUTRAJAYA 1 Nov. -**  
Pelbagai buku motivasi dan keagamaan daripada 60 penerbit tempatan dan antarabangsa ditawarkan di 110 gerai pameran pada Ekspo Buku Islam Antarabangsa Malaysia sempena Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya (PIIACUF) 2014.

Ketua projek ekspo, Nur Haziemah Mohd. Zahari berkata, pengunjung boleh mendapatkan potongan harga istimewa sempena ekspo itu yang bermula 30 Oktober dan berakhir 9 November.

Katanya, orang ramai bukan sahaja berpeluang membeli buku-buku terbaharu di pasaran, sebaliknya boleh menghadiri seminar dan konvensyen, pelancaran buku, konsert amal serta sesi bertemu ikon selebriti terkenal.

Sehingga kini, katanya, Ekspo Buku Islam Antarabangsa Malaysia di Dewan Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya itu menerima kehadiran kira-kira 10,000 pengunjung.

Ia dibuka mulai 9 pagi hingga 9 malam dan masuk percuma. - BERNAMA